



DASAR CUKAI PERKHIDMATAN BIL. 4/2026

PENENTUAN NILAI AMBANG DAN PENGENAAN CUKAI PERKHIDMATAN BAGI PERKHIDMATAN SEWAAN ATAU PAJAKAN, KUMPULAN K, JADUAL PERTAMA, PERATURAN-PERATURAN CUKAI PERKHIDMATAN 2018 YANG DISEDIKAN OLEH LEBIH DARI SATU PENYEDIA PERKHIDMATAN

1. Berkuat kuasa 1 Julai 2025, Menteri Kewangan telah menetapkan perkhidmatan sewaan atau pajakan adalah sebagai perkhidmatan bercukai di bawah Kumpulan K, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 .
2. Bagi tujuan penentuan nilai ambang dan pengenaan cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan sewaan atau pajakan yang disediakan oleh lebih dari satu penyedia perkhidmatan, Menteri Kewangan telah menetapkan bahawa:
 - a) Orang yang menyediakan perkhidmatan sewaan atau pajakan secara bersama di bawah satu perjanjian/ kontrak sewaan atau pajakan hendaklah dianggap sebagai **entiti yang berasingan** dan tertakluk kepada **kewajipan pendaftaran secara berasingan** sebagai penyedia perkhidmatan **berdasarkan jumlah perkhidmatan bercukai (nilai ambang) masing-masing**. Setiap pihak hendaklah mengeluarkan invoice bagi bahagian atau pecahan nilai perkhidmatan sewaan atau pajakan masing-masing.
 - b) Jika perkhidmatan sewaan atau pajakan disediakan secara keseluruhan di bawah satu perjanjian/ kontrak sewaan atau pajakan melalui **satu invoice tanpa sebarang pecahan dan dikeluarkan atas nama satu pihak** (contoh: usaha sama (*Joint Venture*) berasingan atau wakil), maka **pihak tersebut hendaklah dianggap sebagai penyedia perkhidmatan sewaan atau pajakan dan bertanggungjawab** untuk berdaftar sebagai orang berdaftar, sekiranya telah mencapai nilai ambang.

Penafian:

Dasar cukai perkhidmatan yang dikeluarkan ini adalah tertakluk kepada sebarang pindaan sekiranya terdapat apa-apa perubahan dasar yang berkaitan.

**BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI IBU PEJABAT
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA**
